

4.1 PENGHAYATAN ‘ILMU DALAM MASYARAKAT MELAYU ISLĀM**4.1.1 Peranan Institusi-institusi Pendidikan**

Dewasa ini, penghayatan ‘ilmu dalam masyarakat Melayu Islām dapat dilihat dalam pelbagai situasi. Ia bermula di rumah, iaitu ibu bapa memberi didikan kepada anak-anak mereka dengan mengajar al-Qur’ān, prinsip rukun Islām dan rukun Imān. Kemudian ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah dan menengah untuk mendapatkan pendidikan yang lebih formal. Pembelajaran secara tidak formal seperti di masjid, surau dan juga sekolah yang menyediakan kelas-kelas *fardū ‘aīn* telah membantu meningkatkan kefahaman ‘ilmu agama kepada masyarakat Melayu Islām.

Bahkan kerancakan mendapatkan ‘ilmu agama menjalar hingga ke peringkat universiti yang diterap ke dalam Fakulti, Akademi, Sekolah, Jabatan, Kolej dan sebagainya. Justeru itu, tidak hairanlah jika segelintir masyarakat Melayu Islām berjaya memahami dan menghayati kesepadan antara ‘ilmu agama dan ‘ilmu sekular. Terdapat sekolah, kolej, maktab dan universiti di rantau ini yang mewujudkan kesepadan antara ‘ilmu. Contohnya, SMA Ma’ahad Muḥammadī di Kelantan Dār al-Na‘īm, SMKA Tok Jiring di Terengganu Dār al-Imān, Sekolah Ma’ahad Brunei Dār al-Salām, Maktab Duli dan Maktab Sain di Brunei Dār al-Salām, IAIN di Aceh Dār al-Salām, Universiti Islām Brunei Dār al-Salām dan lain-lain lagi telah berjaya melahirkan insān yang berwibawa

dan terdidik dengan ciri-ciri keislaman serta dapat membentuk diri mereka agar menjadi insān yang bertaqwa kepada Allāh s.w.t. dengan sebenar-benarnya.

4.1.2 Peranan Perpustakaan dan Kedai Buku

Seperti yang kita ketahui, tidak semua bahan bacaan dapat dibeli terutamanya bahan-bahan lama yang tidak mungkin akan dicetak semula. Bagi ~~melahirkan~~ masyarakat Melayu Islām yang berilmu, pihak kerajaan dan swasta turut menyumbang dengan mewujudkan pelbagai perpustakaan bagi memberi kemudahan kepada mereka untuk membaca dan membuat rujukan. Banyak perpustakaan dibina di peringkat negeri dan daerah, institusi-institusi pendidikan dan pejabat-pejabat ‘awām atau swasta di rantau ini. Perpustakaan Remaja di Brunei Dār al-Salām, Perpustakaan Islām di Muzium Negeri Kelantan Dār al-Na‘īm dan Perpustakaan ‘Awām Kuala Terengganu di Terengganu Dār al-Īmān adalah antara perpustakaan yang memberi kemudahan kepada orang ramai untuk membuat rujukan dan menambahkan pengetahuan mereka. Di waktu kelapangan, ibu bapa akan membawa anak-anak mereka ke perpustakaan bagi menggalakkan minat membaca bahan-bahan bacaan yang berfaedah di kalangan anak-anak mereka.

Bagi mereka yang berkemampuan dari aspek kewangan, mereka tidak teragak-agak untuk membeli bahan-bahan bacaan ‘ilmiah yang bermutu tinggi yang boleh didapati dengan banyaknya di kedai-kedai buku. Kedai-kedai buku hendaklah selalu menawarkan promosi potongan bagi jualan buku-buku ‘ilmiah. Justeru itu, masyarakat Melayu Islām mestilah bijak membuat pilihan dengan membeli buku-buku yang bermutu tinggi untuk dijadikan sebagai bahan bacaan mereka. Apabila selesai membaca,

ia dapat dijadikan koleksi persendirian yang disimpan di perpustakaan mini di rumah mereka atau seumpamanya, dan ia juga boleh dibaca semula sewaktu kelapangan dalam merealisasikan penghayatan ‘ilmu di rantau ini.

4.1.3 Peranan Media Cetak dan Elektronik

Penduduk ‘Ālam Melayu majoritinya adalah beragama Islām. Justeru itu, terdapat media cetak seperti akhbār dan majalah yang turut memaparkan penulisan keilmuan berunsurkan Islām di dalamnya. Antara majalah Islām yang popular di Malaysia yang juga dibaca oleh masyarakat Melayu Islām di Brunei Dār al-Salām, Indonesia dan Paṭānī Dār al-Salām ialah *Sinar Rohānī*, *al-Islām*, *Muslimah* dan *Da’wah*. Majalah-majalah seperti *Sabīlī*, *al-Islām*, *al-Raḥmāh*, *al-Hikām* dan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah* adalah majalah yang terkenal di sekitar Indonesia yang dapat memberi pendedahan penghayatan keilmuan berunsurkan Islām kepada masyarakat Melayu (Temu bual dengan Ahmad Saifuddin Arma). Manakala *Muslim Magazine* merupakan sebuah majalah di Thailand yang begitu terkenal di Paṭānī Dār al-Salām.

Media elektronik seperti radio dan televisyen juga turut menyumbangkan sedikit sebanyak program keilmuan berunsurkan Islām yang menjadi satu lagi wadah kepada masyarakat Melayu Islām dalam proses penghayatan ‘ilmu di rantau ini. Terdapat pelbagai rancangan berbentuk keislaman yang disiarkan dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Melayu, ‘Arab, Inggeris, Hindu dan Cina. Antara rancangan televisyen yang disiarkan di ‘Ālam Melayu seperti *al-Kuliyyah*, *Jejak Rasūl*, *al-Hidāyah*, *Furqah*, *Forum Perdana* dan *Hāl-Ehwāl Islām* yang menjadi begitu popular di Malaysia sehingga menjalar pengaruhnya ke Indonesia, Brunei Dār al-Salām dan Paṭānī Dār al-

Salām. Sementara itu, rancangan keilmuan seperti *Bimbingan Rohānī* dan *al-Nūr* begitu popular di siaran radio Brunei Dār al-Salām. Manakala *Muslim Radio Programs* yang ke udara di Thailand begitu terkenal serta popular di Paṭānī Dār al-Salām. *Pedoman* pula adalah satu rancangan keilmuan yang begitu popular di televisyen Brunei Dār al-Salām.

Selain itu, penggunaan VCD, CD-Rom dan pita kaset yang meluas penjualannya telah membolehkan masyarakat Melayu Islām mempelajari ‘ilmu dengan begitu mudah dan senang sekali. Manakala bagi mereka yang terlalu sibuk, mereka tidak perlu lagi menghabiskan masa mereka untuk ke perpustakaan atau meninjau bahan bacaan bermutu di kedai-kedai buku. Ini kerana kewujudan media elektronik yang serba canggih seperti internet dewasa ini banyak membantu mereka bagi mendapatkan maklumat yang berfaedah dengan lebih pantas.

4.1.4 Peranan Sektor Kerajaan dan Swasta

Terdapat segelintir majikan di sektor kerajaan dan swasta di ‘Ālam Melayu yang memahami konsep ‘ilmu dengan menyalurkan penerapan tersebut di jabatan mereka. Sebagai contohnya, para pekerja diserapkan dengan ‘ilmu-‘ilmu Islām menerusi ceramah, forum, seminar, bengkel dan sebagainya yang dapat menambahkan pengetahuan mereka agar menjadi manusia yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Kemudahan surau atau masjid yang disediakan oleh majikan di tempat-tempat kerja untuk para pekerja dan masyarakat Melayu Islām bagi menunaikan sembahyang perlu dipuji dan dihargai. Di samping itu, tempat-tempat yang disediakan itu juga

berfungsi sebagai tempat untuk mengadakan aktiviti-aktiviti keilmuan seperti ceramah, seminar, perbincangan, kursus dan sebagainya.

Kewujudan Jabatan Hāl-Ehwāl Islām atau seumpamanya yang diletakkan di bawah pengawasan menteri yang tertentu adalah bertujuan untuk mengawal-selia kegiatan-kegiatan keagamaan seperti menyebarkan dakwah Islām, dan ia juga berperanan mengkuraikan permasalahan agama dalam pelbagai aspek seperti politik, perundangan, sosial, ekonomi dan sebagainya. Menteri-menteri agama di Brunei Dār al-Salām seperti imām dan khātib memainkan peranan penting dalam hāl-ehwāl negara dan masyarakat Islām di Brunei Dār al-Salām. Di Brunei Dār al-Salām, Khātib ditugaskan untuk membina masjid-masjid dan mendirikan surau-surau yang berhampiran dengan tempat tinggal penduduk setempat. Kebanyakan Majlis Agama Islām atau Kementerian Hāl-Ehwāl Agama atau seumpamanya di ‘Ālam Melayu memainkan peranan yang penting dalam menasihati Sultān dan pemerintah Islām di negara mereka. Kesinambungan daripada fungsi dan peranan yang dimainkan oleh majlis, jabatan, kementerian atau seumpamanya, maka lahirlah jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran Islām yang terdiri daripada Muftī, Qādī Besar, Timbalan Qādī Besar, Qādī-qādī Daerah, Pegawai-pegawai Masjid, ‘Āmil, Jurunikah-jurunikah dan sebagainya.

Penerapan unsur-unsur Islām juga bukan sahaja dapat dilihat dengan tertubuhnya institusi-institusi pendidikan seperti yang telah dinyatakan, tetapi juga menerusi penubuhan bank-bank yang mempromosikan skim perbankan secara Islām seperti Bank Islām, Bank Mu‘āmalāt dan RHB. Skim perbankan Islām yang ditawarkan oleh bank-bank tersebut terdapat di Melaka, Terengganu Dār al-Imān, Kelantan Dār al-Na‘īm dan lain-lain negeri di Malaysia. Skim perbankan Islām juga wujud di Brunei Dār al-Salām

iaitu Bank Takāful dan Bank Baiduri serta banyak lagi yang terdapat di negara-negara lain di ‘Ālam Melayu. Terdapat juga di antara bank-bank tersebut yang memperkenalkan produk-produk yang dianjurkan dalam Islām seperti *al-muḍārabah*, *al-murābahah*, *al-musyārakah*, *al-wadī’ah* dan sebagainya.

Peranan yang dimainkan oleh sektor kerajaan dan swasta sedikit sebanyak telah mempengaruhi masyarakat Melayu Islām agar mempraktikkan, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai keislaman yang direğai Allāh s.w.t.

4.2 STRATEGI UNTUK MENGEKALKAN TRADISI KEILMUAN MELAYU ISLĀM

4.2.1 Peranan Ibu Bapa

Pepatah Melayu Islām ada mengatakan bahawa “*melentur buluh biarlah dari rebungnya*”. Begitu juga seloka-pantun yang sering dilakukan semasa mendodoikan anak-anak kecil yang berbunyi “*timang tinggi-tinggi sampai cucur atap, belum tumbuh gigi sudah pandai baca kitāb*”. Justeru itu, memang tidak dapat dinafikan peranan ibu bapa adalah begitu penting dalam membentuk budaya mencintai ‘ilmu di kalangan anak-anak dan budaya ini semestinya bermula di rumah. Masyarakat Melayu Islām hendaklah meluangkan masa bagi menyemaikan nilai-nilai murni ke dalam diri dan minda anak-anak mereka seawal-awalnya sejak kecil lagi agar mereka akan menjadi generasi yang berguna apabila dewasa kelak.

Dari itu, ibu bapa hendaklah mengisi masa terluang anak-anak mereka dengan merangka sesuatu yang berfaedah seperti mengadakan perbincangan dengan anak-anak mereka serta mewujudkan mini perpustakaan di rumah yang dipenuhi dengan buku-buku berbentuk Islām. Aktiviti-aktiviti di luar rumah juga boleh dirangka untuk anak-anak. Antaranya membawa mereka ke seminar, kursus, ceramah dan bengkel ‘ilmu yang menitikberatkan keilmuan Islām serta mengaut khazanah ‘ilmu-‘ilmu Islām di perpustakaan-perpustakaan ‘awām atau swasta. Semua ini penting untuk menyedarkan mereka betapa penting dan mulianya jika seseorang itu mempunyai ‘ilmu.

Di samping itu, menyusun jadual waktu yang bersesuaian untuk anak-anak adalah penting bagi memastikan mereka hidup dengan penuh tata susila dan berdisiplin. Pemupukan nilai-nilai murni secara beransur-ansur terhadap anak-anak ini akan melahirkan suatu sikap positif yang utuh di dalam diri anak-anak Melayu Islām.

4.2.2 Kerjasama Pihak Kerajaan dan Swasta

Kerjasama antara kedua-dua pihak tersebut begitu penting dalam merencana pengekalan tradisi keilmuan Melayu Islām. Mereka tidak perlu mengadakan sekatan dalam memberi maklumat keilmuan yang positif kepada masyarakat Melayu Islām yang semestinya mampu disalurkan melalui bantuan institusi-institusi keilmuan, muzium, media cetak dan elektronik, dan lain-lain. Sebaliknya, mereka patut memberikan komitmen yang tinggi dalam membentuk masyarakat Melayu Islām yang benar-benar cemerlang dan sentiasa berminat untuk mencari ‘ilmu. Pihak institusi pendidikan sama ada di peringkat rendah ataupun tinggi, majikan dan lain-lain hendaklah mementingkan ‘ilmu dengan mengadakan program-program keilmuan seperti ceramah, seminar, forum dan

penterjemahan buku-buku berunsurkan Islām. Mereka juga boleh menggalakkan masyarakat Melayu Islām mempelajari bahasa asing untuk menggali khazanah ‘ilmu menggalakkan mereka berkarya dengan mengadakan pertandingan budaya ‘ilmu di semua peringkat dan pelbagai program lagi boleh dianjurkan bagi menggalakkan mereka mencintai ‘ilmu.

Di samping itu, teknik pembelajaran yang berkesan perlu dipelbagaikan seperti menghafal, menggunakan CD-Rom, VCD, pita kaset, membaca-menjawab dan sebagainya sebagai cara untuk mengelakkan kejemuhan para pelajar melalui pengalaman yang serupa dan statik dalam proses menimba ‘ilmu. Peringkat penyampaian ‘ilmu perlulah diteliti supaya ianya bersesuaian dengan tahap umur, pendidikan dan persekitaran hidup masyarakat Melayu Islām.

Pihak swasta atau kerajaan juga perlu memberikan anugerah ‘ilmiah kepada tokoh-tokoh pemikir Melayu Islām yang diharapkan dapat memberi motivasi kepada masyarakat Melayu Islām agar mencontohi mereka dalam meningkatkan keilmuan Islām. Melalui usaha-usaha yang gigih dan sistematik ini, diharap ia akan menggalakkan masyarakat Melayu Islām agar berlumba-lumba ke arah melakukan kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran yang meliputi segenap aspek kehidupan seperti politik, ekonomi, pentadbiran, perundangan dan sebagainya. Ia secara tidak langsung akan mendapat keredaan daripada Allāh s.w.t.

4.2.3 Peranan Ilmuwan Agama dan Sekular

Dewasa ini, terdapat tiga aliran pemikiran ‘ulamā’ dan ilmuwan Melayu Islām. Mereka ini terdiri daripada golongan tradisionalis, modenis dan islamis.

Golongan tradisionalis ialah para ‘ulamā’ tradisi yang mempunyai ‘ilmu agama yang begitu mendalam. Kebiasaannya mereka menuntut ‘ilmu agama di negara-negara di Timur Tengah seperti Meşir, Makkah, Madīnah, Jordan, Libya dan lain-lain. Apabila mereka pulang ke ‘Ālam Melayu, mereka memainkan peranan yang penting sebagai tenaga pengajar di masjid-masjid, surau-surau dan pondok-pondok. Terdapat di antara mereka yang membuka pondok dengan meletakkan namanya sendiri sebagai pengasas dan pimpin pondok itu. Bagaimanapun, teknik penyampaian ‘ilmu yang disampaikan oleh mereka hanya berdasarkan kitāb-kitāb agama yang lama yang diajar di tempat-tempat yang telah disebutkan tadi. Buku-buku yang ditulis oleh mereka sehingga kini tidak banyak perubahan yang dilakukan. Ia hanya berdasarkan kepada apa yang mereka pelajari suatu ketika dahulu dan sama sekali tidak mengikuti peredaran zaman atau perubahan yang dibawa oleh ‘ilmu Sains dan Teknologi.

Sementara pemikiran golongan modenis pula adalah bertentangan sama sekali dengan pemikiran yang dibawa oleh golongan tradisionalis. Kebanyakan para ilmuwan modenis ‘Ālam Melayu telah mendapat pendidikan di Barat, dan pemikiran mereka terdidik dengan cara pemikiran Barat. Mereka langsung tidak menitikberatkan pendidikan tradisional dan menerima pemikiran secara rasional. Sebaliknya mereka menjalankan kehidupan sehari-harian mengikut kefahaman orientalis yang ekstremis dan literal yang

hanya mementingkan sekularisme. Buku-buku yang ditulis oleh mereka adalah berbentuk penulisan sekularisme, ‘ilmu Sains dan Teknologi semata-mata.

Golongan terakhir ialah islamis yang merupakan para ‘ulamā’ Melayu yang mengamalkan sistem pendidikan secara tradisional dan juga moden. Mereka sentiasa mengikuti peredaran zaman dan kreatif menulis buku-buku ‘ilmiah baru yang dapat memberi sesuatu yang baru kepada masyarakat Melayu Islām. Mereka yang terdiri daripada golongan ini antaranya ialah Mohd. Kamal Hassan, Muhammad ‘Uthman El-Muhamady, Ahmad Mohd. Ibrahim, Syed Mohd. Naquib al-Attas, Azyumardi Azra dan Deliar Noer.

Peranan ilmuwan agama atau para ‘ulamā’ dalam usaha menjayakan rancangan keilmuan Melayu Islām perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Tidak dapat dinafikan, kejayaan mereka memang telah terbukti di merata pelosok ‘Ālam Melayu seperti di Aceh Dār al-Salām, Samudera-Pasai dan Melaka telah berjaya mengubah minda golongan istana dan rakyat agar mempraktikkan ‘ilmu yang dianjurkan oleh Islām. Pemahaman prinsip-prinsip, ajaran-ajaran, kaedah-kaedah dan idea-idea yang beras dalam masalah keilmuan akan terlaksana dengan penglibatan mereka.

Ilmuwan agama dan sekular mestilah memahami bahawa sumber-sumber utama perundangan Islām ialah *Naqlī*¹⁸⁰ dan ‘*Aqlī*¹⁸¹. Melalui sumber-sumber tersebut, mereka dapat mengetahui segala ‘ilmu yang mencakupi pelbagai aspek kehidupan manusia seperti agama, ekonomi, sosial, politik dan perundangan.

¹⁸⁰ Sumber *Naqlī* ialah sumber yang berdasarkan kepada al-Qur’ān dan Ḥadith Rasūlullāh s.a.w.

¹⁸¹ Sumber ‘*Aqlī* ialah sumber yang berdasarkan kepada *Ijmā’* para ‘ulamā’ dan Qiyās.

Sejajar dengan itu, mereka mestilah sentiasa berinteraksi dan bekerjasama dengan masyarakat Melayu Islām dalam mewujudkan persefahaman di antara mereka seperti mengadakan kursus, seminar, latihan agama dan sains sosial serta kemanusiaan dalam satu acuan yang sesuai dengan pandangan Islām (Prof. Dr. Ismail Ibrahim dalam Prof. Madya Dr. Abd. Halim El-Muhammady, 1994: 150-151). Seandainya kesepaduan ‘ilmu terlaksana, maka usaha-usaha susulan dapatlah dijalankan untuk membangunkan lebih banyak lagi institusi-institusi pendidikan berteraskan Islām seperti Fakulti, Akademi, Sekolah, Universiti dan sebagainya. Kursus-kursus keislaman yang dikemukakan dalam pelbagai bentuk pengajaran yang baik dan dibimbing oleh kakitangan akademik yang pakar dalam kedua-dua bidang itu akan memungkinkan sambutan dan minat yang tinggi daripada para pelajar untuk mengikutinya.

Masyarakat Melayu Islām hendaklah berusaha gigih bagi mengadakan prasarana yang dapat menjalinkan pertemuan erat antara kedua-dua golongan ilmuwan dalam bidang-bidang tersebut bagi membantu mengukuhkan kesedaran keilmuan dalam masyarakat melayu sendiri.

4.2.4 Pembangunan Pendidikan Manusia Secara Berterusan dan Bersepadu

Sistem pendidikan Melayu Islām yang terdiri daripada sistem pendidikan peringkat rendah, menengah dan tinggi seharusnya menyatukan pendidikan agama Islām dengan pendidikan sekular di semua sekolah, kolej, maktab dan universiti. Kesepaduan ini seharusnya memberi kebaikan kepada kedua-dua sistem pendidikan terutamanya dalam menangani kekurangan mutu buku-buku teks yang lama dan juga guru-guru yang tidak berpengalaman dalam sistem pendidikan agama Islām serta sekular (Ismā‘īl Rajī al-

Fārūqī, 1982, op cit: 9). Di samping itu, usaha memperbanyakkan bahan bacaan bermutu tinggi juga akan dapat melahirkan generasi yang benar-benar berilmu. Sistem yang baru ini mungkin berkesan jika kerajaan di setiap negeri Melayu Islām bersetuju memperuntukkan kewangan yang diperlukan secara berterusan dan tanpa kawalan yang menindas.

Akhir-akhir ini, wujudnya institusi pendidikan tinggi swasta dalam pelbagai bidang yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan. Ia ditambah pula dengan kemampuan para pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan swasta. Keadaan ini telah menyebabkan wujudnya kecenderungan segelintir institusi pendidikan swasta untuk mengenakan yuran pengajian yang terlalu mahal. Malah ada di antara institusi pendidikan swasta ini lebih mementingkan pulangan yang lumayan berbanding mengutamakan tanggungjawab untuk mendidik anak bangsa Melayu Islām. Justeru itu, kerajaan hendaklah mengkaji semula yuran pengajian institusi swasta agar ia tidak membebankan masyarakat Melayu Islām dalam proses menimba ‘ilmu. Di samping itu, bantuan daripada pihak yang tertentu diperlukan bagi meringankan beban para pelajar untuk membiayai pengajian mereka dengan pemberian subsidi, basiswa atau pinjaman kepada mereka tanpa mengenakan sebarang faedah keuntungan.

Selain itu juga, manusia adalah hamba Allāh yang mempunyai kesatuan antara rohānī dan jasmānī, aspek īmān dan taqwā sebagai tunjang pembentukan tingkah laku, dan dengan ini terbinalah ‘ilmu secara bersepadau (Prof. Dr. Mohd. Kamal Ḥassan, 1988: 306) dengan menggabungkan unsur ‘ilmu secara praktikal dan teoritikal yang diterima melalui wahyu Allāh seperti ‘ilmu ‘Aqīdah, Uṣūl al-Dīn, Fiqah dan Taṣawwuf; dan ‘ilmu yang diterima melalui pancaindera, pengalaman dan eksperimentasi manusia

seperti ‘ilmu Sains, ‘ilmu Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (*ibid*: 307). Apabila īmān dan taqwā menjadi tunjang kepada ‘ilmu-‘ilmu tersebut, maka tiada pertentangan antara mereka, malah ia dapat diseimbangkan antara kedua-duanya. Kesatuan yang wujud ini menjadikan masyarakat Melayu Islām bertanggungjawab dalam hubungan mereka dengan Allāh s.w.t., bijak menyepakukan ‘ilmu agama dengan ‘ilmu sekular, seterusnya menjadikan bumi ini bebas dari unsur-unsur yang dilarang dalam Islām. Sumbangan daripada ‘ilmu dan kemahiran manusia yang terdidik secara bersepadu dengan kawalan īmān dan taqwā akan menjamin kehidupan yang ‘ādil, jujur, sopan dan menjauhkan segala gejala sosiobudaya yang buruk seperti pemerasan, penindasan, politik wang, penyalahgunaan kuasa, tamak haloba dan sebagainya (*ibid*: 308).

4.2.5 Da‘wah, *Mujāhadah*¹⁸², *Murāqabah*¹⁸³, *Muḥāsabah*¹⁸⁴, Doā’ dan *Tawakkal*¹⁸⁵

Bagi mengekalkan tradisi keilmuan, masyarakat Melayu Islām haruslah menanamkan semangat untuk mengubah amalan negatif kepada positif. Amalan da‘wah perlu diterapkan bagi mewujudkan masyarakat Melayu Islām yang menjalankan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Usaha ini dapat menghalang sikap negatif yang berterusan seperti terlampau mementingkan material, berkelakuan sumbang, umpat mengumpat, hasut-menghasut, dengki-mendengki dan lain-lain. Justeru itu, mereka akan ter dorong melakukan amalan-amalan kebaikan seperti membaca al-Qur’ān, berdhikir, berbuat baik

¹⁸² *Mujāhadah* iaitu mempunyai daya dan tekad yang kuat untuk memupuk dan membina unsur-unsur positif dalam diri (Rasid Muhamad, 1993: 52).

¹⁸³ *Murāqabah* iaitu membentuk diri agar merasakan di bawah pemerintahan Allāh s.w.t. (*ibid*).

¹⁸⁴ *Muḥāsabah* iaitu sentiasa menjadikan amalan menghitung diri sebagai satu tindakan harian, agar kita dapat melihat kelemahan dan kekuatan yang dilakukan (*ibid*).

¹⁸⁵ *Tawakkal* ialah berserah diri kepada Allāh s.w.t. atas setiap tindakan baik yang dilakukan oleh kita.

sesama manusia, mengikuti segala aktiviti yang berfaedah dan seterusnya mendapat keredaan Allāh s.w.t.

Selain itu, mereka juga perlu mengamalkan konsep *mujāhadah*, *murāqabah* dan *muḥāsabah* dalam merealisasikan pengekalan tradisi keilmuan Melayu Islām. Dengan peningkatan kerohanian yang tinggi seperti ini, ia akan mendorong diri mereka agar mempraktikkan nilai-nilai keilmuan secara positif. Akhir sekali melalui usaha doā' dan tawakkal yang berterusan akan dapat membantu memantapkan lagi keimānan dan ketaqwaan mereka kepada Allāh s.w.t. Sebagaimana firman Allāh s.w.t yang bermaksud:

Dan bahawa sesungguhnya tiada balasan bagi seseorang melainkan balasan di atas apa yang diusahakan (Terj., Sūrah al-Najm: 39).

Firman Allāh s.w.t. lagi yang bermaksud:

Kemudian apabila kamu membulatkan tekad maka bertawakkallah kepada Allāh. Sesungguhnya Allāh menyukai mereka yang bertawakkal kepadaNya (Terj., Sūrah Ali-'Imrān: 159).

4.3 TOKOH-TOKOH INTELEKTUAL MELAYU ISLĀM KINI

4.3.1 Prof. Dr. Deliar Noer (1926 -)

Beliau merupakan seorang pengamat politik yang dilahirkan di Medan, Indonesia pada 9 Februari 1926. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dari Fakulti Sains Ekonomi di Universitas Nasional, Jakarta, Indonesia pada tahun 1958. Kemudian, beliau meneruskan pengajian dalam bidang ‘Ilmu Politik di Cornell University, Amerika Syarikat hingga mendapat Ijazah Sarjana pada tahun 1960. Pada tahun 1963, beliau mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang yang sama dari universiti yang sama.

Beliau pernah menjadi Ketua ‘Umūm PB HMI dari tahun 1953 hingga 1955. Pada tahun 1963 hingga 1965, beliau menjadi pensyarah di Universitas Sumatera Utara, Medan, Indonesia. Kemudian beliau menjadi Rektor IKIP Jakarta dari tahun 1967 hingga 1974. Pada tahun 1966 hingga 1968, beliau dilantik menjadi barisan Pekerja Peribadi dan Pasukan Ahli Ketua Presidium Kabinet serta Anggota Pasukan Ahli KOTI.

Di samping itu, beliau pernah menyandang jawatan Profesor Sains Politik di Universitas Indonesia, pensyarah di bidang Sejarah dan Politik Indonesia di Sekolah Pengajian Asia Moden, Griffith University, Brisbane, Australia dan juga pensyarah sambilan di Seskoad, Seskoal, Seskoau dan Lemharas dari tahun 1966 hingga 1972. Beliau pernah menjadi Fellow Tamu di Australia National University, Canberra. Beliau sering memperjuangkan isu-isu semasa tentang Islām dalam bidang sosial, politik, ekonomi dan pendidikan. Beliau juga tegas dalam mempertahankan isu negara Islām hingga menentang pendapat Prof. Dr. Nurcholish Madjid yang menolak negara Islām, dan

menentang pandangan Barat yang menyatakan bahawa ‘ādat bertentangan dengan Islām. Beliau tidak bersetuju bahawa Islām merendahkan status wanita dan ajaran Islām tidak sesuai dengan zaman kini (Prof. Dr, Hashim Hj. Musa, op cit, 2001: 127).

Beliau merupakan orang pertama dari Indonesia yang mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang ‘ilmu Politik. Justeru itu, beliau banyak mengarang karya-karya yang berbentuk politik yang telah dijadikan bahan bacaan wājib bagi para peminat ‘ilmu tersebut.

Antara karya beliau ialah *Masjumi: Its Organisation, Ideology and Political Role in Indonesia*, 1960, Ithaca, N.Y: Cornell University; *Pengantar ke Pemikiran Politik*, 1965, Medan: Dwipa; *Konsepsi Tentang Negara dan Kedudukan Raja di Asia Tenggara*, terjemahan daripada karya Robert Heine-Goldern, 1973, Jakarta: CV. Rajawali; *Conceptions of State and Kingship in Southeast Asia: The Modernist Muslim Movement in Indonesia: 1900-1942*, 1973, Kuala Lumpur: Oxford University Press; *Sekali Lagi Masalah ‘Ulamā’-Intelektuil Atau Intelektuil-‘Ulamā’: Suatu Tesis Buat Generasi Muda Islām*, 1974, Jakarta: Bulan Bintang; *Partisipasi Dalam Pembangunan*, 1977, Kuala Lumpur: ABIM; *Administration of Islām in Indonesia*, 1978, Ithaca, N.Y.: Cornell Modern Indonesia Project, Southeast Asia Program, Cornell; *Gerakan Moderen Islām di Indonesia 1900-1942*, 1980, Jakarta: LP3ES; *Bunga Rampai dari Negeri Kanguru*, 1981, Jakarta: Panji Masyarakat; *Pemikiran Politik di Negeri Barat*, 1982, Jakarta: CV. Rajawali; *Adiministrasi Islām di Indonesia*, 1983, Jakarta: CV. Rajawali; *Partai Islām di Pentas Nasional 1945-1965*, 1987, Jakarta: Penerbit PT Pustaka Utama Grafiti; *Culture, Philisophy, Future: Essay in Honour of Sultan Takdir Alisjahbana on*

His 80th Birthday, 1988, Jakarta: Dian Rakyat; dan Pemikiran Politik di Negeri Barat,
1997, Bandung: Pustaka Mizān.

4.3.2 Prof. Dr. Nurcholish Madjid (1939 -)

Beliau yang terkenal dengan panggilan mesra Cak Nur dilahirkan di Jombang, Indonesia pada 17 Mac 1939. Beliau mendapat pendidikan secara tradisional di pesantren iaitu di Sekolah Rakyat, Mojoanyar dan Berang,¹⁸⁶ Madrasah Ibtidaiyyah, Mojoanyar¹⁸⁷, Pesantren Dār al-‘Ulūm di Rejoso, Jombang dan KMI Pesantren Dār al-Salām di Gontor, Ponorogo. Beliau menamatkan pengajian di pesantren pada tahun 1960 dan kemudiannya meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dalam Sastera Arab di IAIN Syarīf Hidāyat Allāh, Jakarta pada tahun 1968. Pada tahun 1978, beliau meneruskan pengajiannya di Chicago University, Illinois sehingga mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Falsafah dan Kalām pada tahun 1984.

Beliau pernah menjadi tenaga pengajar di IAIN Syarīf Hidāyat Allāh dari tahun 1972 sehingga 1976. Beliau menjadi pensyarah pascasarjana IAIN Syarīf Hidāyat Allāh dari tahun 1985 sehingga sekarang, pensyarah tamu di University McGill, Montreal, Canada pada tahun 1991 hingga 1992 dan Fellow dalam Eisenhower Fellowship bersama isteri pada tahun 1990. Beliau turut aktif dalam gerakan kemahasiswaan dengan menjawat jawatan Ketua ‘Umūm PB HMI selama dua penggal iaitu pada tahun 1966 hingga 1969 dan tahun 1969 hingga 1971; Presiden pertama PEMIAT pada tahun 1967 hingga 1969;

¹⁸⁶ Sekolah Rakyat di Mojoanyar dan Berang merupakan sistem pendidikan yang diajarkan di sebelah pagi.

¹⁸⁷ Madrasah Ibtidaiyyah di Mojoanyar merupakan sistem pendidikan yang diajarkan di sebelah petang.

dan menjadi Wakil Seksyen IIFSO dari tahun 1969 tahun 1971 (<http://media.isnet.org/islam/Paramadina/Cak Nur.html>).

Sejak tahun 1986, beliau bersama dengan sahabat-sahabatnya mendirikan Yayasan Wakaf Paramadina dengan menumpukan perhatian kepada kegiatan-kegiatan pemikiran dan da'wah Islām di Indonesia sehingga beliau dilantik menjadi Rektor di situ pada tahun 1998. Sehingga kini, beliau terkenal sebagai seorang tokoh Melayu Islām yang aktif memikirkan pembaruan Islām yang dapat menyesuaikan diri dengan arus pemodenan dan kebebasan berfikir. Selain itu, beliau juga banyak menyumbang pendapat dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Sejak dari tahun 1991 beliau dilantik menjadi Wakil Ketua Dewan Pakar Ikatan Cendekiawan Muslim seIndonesia (ibid).

Antara karya beliau ialah *Khazanah Intelektual Islām* (ed.), 1984, Jakarta: Bulan Bintang untuk Yayasan Obor Indonesia; *Islām: Kemodernan dan Keindonesiaan* suntingan Agus Edy Santoso, 1987, Bandung: Mizān; *Islām Doktrin dan Peradaban: Sebuah Tela'ah Kritis Tentang Masalah Keimanan, Kemanusiaan dan Kemoderenan*, 1992, Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina; *Islām: Kerakyatan dan Keindonesiaan*, 1993, Bandung: Penerbit Mizān; *Pintu-pintu Menuju Tuhan*, 1994, Jakarta Selatan: Paramadina; *Demokratisasi Politik Budaya dan Ekonomi: Pengalaman Indonesia Masa Order Baru* (penulis bersama), 1994, Jakarta: Yayasan Wakaf Paramadina; *Islām Agama Peradaban Membangun Makna dan Relevansi Doktrin Islām dalam Sejarah*, 1995, Jakarta Selatan: Paramadina; *Islām Agama Kemanusiaan, Membangun Tradisi dan Visi*, 1995, Jakarta Selatan: Paramadina; *Kaki Langit Peradaban Islām*, 1997, Jakarta: Paramadina; *Tradisi Islām: Peran dan Fungsinya dalam Pembangunan*, 1997,

Jakarta: Paramadina; *Masyarakat Religius*, 1997, Jakarta: Paramadina; *Dialog Keterbukaan*, 1998, Jakarta: Penerbit Paramadina; *Cita-cita Politik Islām Era Reformasi*, 1999, Jakarta: Paramadina; *Pesan-Pesan Taqwa*, 2000, Jakarta: Paramadina; dan *Kehampaan Spiritual Masyarakat Modern*, 2000, Jakarta: Penerbit Paramadina.

4.3.3 Prof. Dr. Azyumardi Azra (1955 -)

Beliau dilahirkan di Lubuk Alung, Sumatera Barat pada 4 Mac 1955. Beliau menamatkan Ijazah Sarjana Muda di IAIN Syarīf Hidāyat Allāh, Jakarta pada tahun 1982. Kemudian, pada tahun 1986, beliau melanjutkan pelajaran sehingga memperolehi Ijazah Sarjana dari Fakulti Bahasa dan Kebudayaan Timur Tengah di Columbia University, New York pada tahun 1988. Beliau juga memperolehi M.A. Sejarah pada tahun 1989 dan M.Phil. pada tahun 1990 dari universiti yang sama. Beliau mendapat Ijazah Kedoktoran daripada Fakulti Sejarah juga dari universiti tersebut pada tahun 1992.

Ketika menjadi mahasiswa di IAIN Syarīf Hidāyat Allāh, beliau merupakan seorang pelajar yang aktif. Beliau pernah menjadi Ketua ‘Umūm Senat Mahasiswa di situ dari tahun 1979 hingga 1982 dan Ketua Umum HMI Cabang Ciputat dari tahun 1981 hingga 1982. Beliau juga pernah menjadi seorang wartawan di Majalah *Panji Masyarakat* dari tahun 1989 hingga 1985. Sekarang, beliau merupakan Rektor di IAIN Syarīf Hidāyat Allāh, Jakarta dan beliau juga merupakan seorang anggota Dewan Redaksi Jurnal *Ulūm al-Qur’ān, Islamika, dan Studia Islamika*.

Antara karya beliau ialah *Islām dan Masalah-masalah Kemasyarakatan*, 1983, Jakarta: Pustaka Pajimas; *Islām, Pembangunan dan Politik*, 1983, Jakarta: Pustaka Panjimas; *Mengenal Ajaran Kaum Ṣūfī*, 1984, Pustaka Jaya; *Agama di Tengah Sekularisasi Politik*, 1985, Jakarta: Pustaka Panjimas; *Perkembangan Modern dalam Islām*, 1985, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia; *Perspektif Islām di Asia Tenggara*, 1989, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia; *Jaringan ‘Ulamā Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-Akar Pembaruan Pemikiran Islām di Indonesia*, 1994, Bandung: Penerbit Mizān; *Esei-Esei Intelektual Muslim dan Pendidikan Islām*, 1998, Jakarta: Logos Wacana ‘Ilmu; *Renaissance Islām di Asia Tenggara*, 1999, Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarya (mendapat anugerah daripada Yayasan Buku Utama yang telah menyenaraikan buku ini adalah antara buku yang terbaik pada tahun 1999); *Pendidikan Islām*, 1999, Jakarta: Logos; *Menuju Masyarakat Madani: Gagasan, Fakta dan Tantangan*, 1999, Bandung: PT Remaja Rosdakarya; *Konteks Berteologi di Indonesia: Pengalaman Islām*, 1999, Jakarta: Penerbit Paramadina; *Islām Reformis: Dinamika Intelektual dan Gerakan*, 1999, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada; dan *Islām, Substantif: Agar ‘Umat Tidak Jadi Buih*, 2000, Bandung: Mizān.

4.3.4 Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Atṭas (1931 -)

Nama penuh beliau ialah Syed Muhammad Naquib bin ‘Alī bin ‘Abdullah bin Muhsin al-Atṭas yang dilahirkan di Bogor, Jawa Barat pada 5 September 1931, tetapi telah mendapat kewarganegaraan Malaysia.

Beliau mendapat pendidikan rendah di Ngee Heng Primary School dari tahun 1936 hingga 1941 di Johor (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1998: 2). Kemudian, beliau pulang

ke Jawa untuk meneruskan pendidikan ‘Arab di Madrasah al-‘Urwat al-Wuthqā di Sukabumi dari tahun 1941 hingga 1945 dan kembali semula ke Johor untuk meneruskan pendidikannya di Bukit Zaharah School dan English College dari tahun 1946 hingga 1951 (*ibid*). Kemudian, beliau menyertai Rejimen Melayu sebagai Pasukan Kadet sehingga dipilih oleh Perwakilan Tinggi British di Malaya sebagai pelajar ketenteraan di Eton Hall, Chester, Wales. Selepas itu beliau menjadi pelajar di Akademi Ketenteraan di Raja, Sandhurst, England pada tahun 1952 hingga 1955 (*ibid*: 4). Selepas tamat belajar di Sandhurst, beliau menerima Perwakilan di Raja dan ditawarkan bekerja sebagai pegawai Rejimen Melayu di Raja (*ibid*: 5). Beliau kemudiannya meletak jawatan dan meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di UM, Singapura pada tahun 1957 hingga 1959 (*ibid*). Beliau mendapat Ijazah Sarjana dalam bidang Falsafah Islām dari University McGill, Montreal pada tahun 1962 dan mendapat Ijazah Kedoktoran dalam bidang Falsafah Islām dan Kesusasteraan dari University of London, England pada tahun 1965.

Beliau merupakan seorang tokoh ‘ilmiah yang berkaliber dan cemerlang yang memegang beberapa jawatan penting di institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa. Beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Bahagian Kesusasteraan di Fakulti Pengajian Melayu, UM pada tahun 1965. Pada tahun 1968 hingga 1970, beliau dilantik menjadi Dekan di Fakulti Sastera di universiti yang sama. Beliau adalah perintis gerakan islamisasi ‘ilmu dan pendidikan dengan menjadi salah seorang penggerak dalam penubuhan UKM pada tahun 1970 yang mencadangkan bahasa Inggeris digantikan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi dan meletakkan Islām sebagai asas utama dalam pengajian Melayu. Kemudiannya, beliau dilantik menjadi Dekan di Fakulti Sastera di universiti tersebut

sehingga tahun 1973. Pada tahun yang sama, beliau telah menubuhkan Institut Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu di universiti yang sama, dan dilantik sebagai Pengarahnya yang pertama sehingga tahun 1975 (Prof. Dr. Syed. Muhammad Naquib al-Attas, 1999, op cit: i). Sebagai pengiktirafan terhadap kewibawaannya dalam bidang Pengajian Melayu, beliau telah dilantik menyandang kerusi ‘ilmiah yang satu-satunya, dan dianugerahi gelaran Profesor Bahasa dan Kesusastraan Melayu di universiti tersebut pada 15 Mei 1970 (*ibid*). Kini, juga sebagai pengiktirafan terhadap kewibawaannya dalam bidang pengajian Islām, ULAM telah melantiknya sebagai Profesor Universiti dalam Pemikiran dan Tamadun Islām, dan sebagai penaja dan Pengarah Institusi Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islām yang telah dirancangkan olehnya pada tahun 1986 di universiti tersebut (*ibid*). Seterusnya, beliau melanjutkan usaha dalam bidang pendidikan dan islamisasi ‘ilmu dengan menubuhkan ISTAC di Kuala Lumpur pada tahun 1991.

Di peringkat antarabangsa, beliau merupakan tokoh akademik yang berwibawa dan pernah menerima anugerah Fellow of The Imperial Iranian Academy of Philosophy, dan juga merupakan orang pertama yang pernah menduduki Kerusi ‘Ilmiah Tun Abdul Razak di Ohio University, Amerika Syarikat (*ibid*: ii). Di samping itu, beliau juga pernah diundang sebagai Profesor Terutama Pengajian Islām untuk menduduki Kerusi ibnu Khaldūn dalam Pengajian Islām di American University, Washington, serta pernah dilantik sebagai International Member of American Philosophical Association (*ibid*).

Sebagai seorang ahli fikir yang berwibawa dalam Falsafah Islām, idea-ideanya begitu berpengaruh bukan sahaja di peringkat tempatan, malahan juga di peringkat antarabangsa. Beliau telah menghuraikan dan menyatakan dengan terperinci dan

komprehensif tentang sifat wujūd hakiki dalam Islām yang mencakupi konsep-konsep al-dīn, kosmos, epistemologi, psikologi diri insān, pendidikan, etika dan logik yang bersumberkan karya-karya ‘ulamā’ muktabar dalam tradisi intelektual Islām (Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, 2001, op cit: 128 & 129). Beliau amat berminat memperkatakan persoalan islamisasi sehingga menyuarakan pendapatnya bahawa kedatangan Islām telah mengubah pemikiran masyarakat Melayu yang mempercayai taḥayul kepada kehidupan realiti. Persoalan islamisasi seperti konsep islamisasi ‘ilmu, konsep kesepaduan ‘ilmu, konsep Universiti Islām dan lain-lain pernah dibentangkan oleh beliau di Muktamar Sedunia yang pertama mengenai pendidikan Islām di Makkah pada tahun 1977.

Beliau merupakan seorang tokoh cendekiawan Melayu Islām kontemporari yang terkemuka yang dianggap sebagai pencetus kepada gerakan kebangkitan semula Islām di kalangan belia Islām Malaysia sejak dekad tujuh puluhan dan secara langsung telah mencetuskan idea yang membawa kepada penubuhan gerakan ABIM, PMI, GAPIM dan ASASI. Beliau juga telah mencetuskan secara formatif kebangkitan gerakan intelektual Islām yang membawa pelbagai persidangan, seminar dan polemik tentang tradisi intelektual dan tokoh-tokoh intelek Islām seperti al-Syaftī, al-Ghazālī, ibnu Khaldūn, Syāh Walī Allāh dan sebagainya (ibid: 128).

Sebagai seorang tokoh ilmuwan yang terkenal, beliau banyak menghasilkan karya dan terdapat banyak di antara karyanya yang diterjemahkan ke dalam bahasa asing seperti bahasa Inggeris, Urdu, Rusia, Jepun, Perancis, Indonesia, Turki, ‘Arab, Bosnia dan lain-lain lagi.

Antara karya beliau ialah *Rangkaian Ruba'iyyat*, 1959, Kuala Lumpur: DBP; *Some Aspects of Sufism as Understood and Practised Among the Malays*, 1963, Singapore: Malaysian Sociological Research Institute; *Rānīrī and the Wujudiyyah of 17th Century Aceh*, 1966, Singapore: Monograph of the Royal Asiatic Society, Malaysian Branch, No. 111; *The Origin of the Malay Sha'ir*, 1968, Kuala Lumpur: DBP; *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, 1969, Kuala Lumpur: DBP; *The Mysticism of Hamzah Fansuri*, 1970, Kuala Lumpur: UM Press; *The Correct Date of the Terengganu Inscription*, 1970, Kuala Lumpur: Muzium Negara; *Concluding Postscript to the Origin of the Malay Sha'ir*, 1971, Kuala Lumpur: DBP; *Islām Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1972, UKM; *Islām dan Kebudayaan Malaysia*, 1974, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; *Comments on the Re-examination of al-Raniri's Hujjat al-Šiddiq: A Refutation*, 1975, Kuala Lumpur: Muzium Negara; *Islām: The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*, 1976, Kuala Lumpur: ABIM; *Islām: Faham Agama dan Asas Akhlāq*, 1977, Kuala Lumpur: Yayasan Anda Akademik; *Islām and Secularism*, 1978, Kuala Lumpur: ABIM; (Ed.) *Aims and Objectives of Islamic Education*, 1979, Islamic Education Series, London: Hodder and Stoughton and King 'Abdul 'Aziz University; *The Concept of Education in Islām*, 1980, *Konsep Pendidikan dalam Islām: Suatu Rangka Pikir Pembinaan Filsafat Pendidikan Islām*, 1984, Bandung: Mizān; *Islām, Secularism and the Philosophy of the Future*, 1985, London: Mansell; *A Commentary on the Hujjat al-Šiddiq of Nūr al-Dīn al-Rānīrī*, 1986, Kuala Lumpur: Minstry of Culture; *The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the 'Aqāid of al-Naṣafī*, 1988, UM; *Islām and the Philosophy of Science*, 1989, Kuala Lumpur: ISTAC; *The Nature of Man and the Psychology of the Human Soul*, 1990, ISTAC; *The Intuition of Existence*, 1990, Kuala

Lumpur: ISTAC; *On Quiddity and Essence*, 1990, Kuala Lumpur: ISTAC; *Islām: The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality*, 1992, Kuala Lumpur: DBP; *The Meaning and Experience of Happiness in Islām*, 1993, Kuala Lumpur: ISTAC; *The Degrees of Existence*, 1994, Kuala Lumpur: ISTAC; dan *Prolegomena to the Metaphysics of Islām: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islām*, 1995, Kuala Lumpur: ISTAC.

4.3.5 Prof. Dr. Muhammad Kamal Hassan (1942 -)

Muhammad Kamal merupakan tokoh ‘ilmiah Melayu Islām yang begitu terkenal hingga ke peringkat antarabangsa. Dilahirkan pada 26 Oktober 1942 di Pasir Mas, Kelantan Dār al-Na‘īm dari perkongsian hidup antara Hj. Hassan Hj. Ismaill dengan Hajjah Fatimah Mahmoed. Mendapat pendidikan awal di Kolej Sultān Ismā‘īl dan kemudiannya meneruskan pendidikan di Victoria Institution, Kuala Lumpur. Di Victoria Institution, beliau dilantik sebagai Presiden Persatuan Falsafah dan pernah memenangi beberapa hadiah kecemerlangan dalam pelajaran.

Pada tahun 1996, beliau meneruskan pengajian di peringkat tinggi di UM hingga mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian Kelas Pertama dalam bidang Pengajian Islām. Kemudiannya, beliau menjawat jawatan tutor di UM dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Dār al-Ridwān. Selepas itu, beliau meneruskan pengajian Ijazah Sarjana di Jabatan Kebudayaan Timur Tengah dan Dekat, di Columbia University, New York, Amerika Syarikat dengan memperolehi M.A. pada tahun 1970 dan M. Phil pada tahun 1973. Beliau mendapat Ijazah Kedoktoran pada tahun 1975 di

universiti yang sama. Bidang pengkhususan pengajiannya ialah Pemikiran Islām Semasa yang memberi penumpuan khas di Asia Tenggara.

Beliau dilantik sebagai pensyarah Pengajian Islām UKM pada tahun 1976. Setahun kemudian, beliau dilantik sebagai Ketua Jabatan Falsafah dan Uṣūl al-Dīn di UKM. Pada tahun 1978 beliau dilantik sebagai Ketua Program Diploma Pengajian Islām di UKM. Pada tahun 1982, beliau merupakan salah seorang tokoh utama yang dijemput bagi merancang projek penubuhan UIAM pada tahun 1983. Beliau telah mencipta falsafah, objektif dan matlamat UIAM. Sebaik sahaja UIAM ditubuhkan, beliau dilantik menjadi Ketua Jabatan Markaz ‘Ilmu Teras dan kemudian dilantik menjadi Dekan Fakulti ‘Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan pada tahun 1989. Beliau dilantik menjadi Timbalan Rektor Akademik UIAM dari tahun 1990 hingga Januari 1997.

Apabila beliau dijemput sebagai profesor tamu ke Georgetown University, Washington D.C, Amerika Syarikat pada Januari 1997, beliau dianugerahkan sebagai pemegang pertama Presiden Islām Malaysia di Asia Tenggara di Pusat Kefahaman Islām-Kristian untuk tempoh selama dua tahun (<http://www.iiu.edu.my/profile/kamal.shtml>). Pada tahun yang sama, beliau tamat belajar di Sekolah Islām dan Sains Sosial di Leesburg, Virginia. Setelah selesai tugasnya di luar negara, beliau pulang ke Malaysia pada 30 Disember 1998, dan dilantik menjadi Rektor UIAM pada 5 April 1999 (ibid) hingga sekarang.

Beliau merupakan seorang yang amat serius memikirkan persoalan pembangunan insān dari aspek akhlāq, fizikal, rohānī, teknologikal, teknikal, intelektual dan profesional yang mengajak manusia agar menjalankan kehidupan menurut perspektif Islām. Beliau aktif mengikuti pelbagai forum, seminar dan persidangan.

Antara karya beliau ialah *The Issues of Modernization and Its Impact on Indonesian Muslim Intellectuals: Nurcholish Madjid's Attempt at A Theology of Development*, 1978, Indianapolis: AMSS; *Ledakan Kerohanian dalam Masyarakat Barat Masa Kini*, 1981, Kuala Lumpur: Unit Da'wah, Bahagian Pelajaran Agama, Kementerian Pendidikan Malaysia; "Education and Family Life in Modernizing Malaysia" in Philip Stoddard et al (ed.) *Change and the Muslim World*, 1981, New York: Syracuse University Press; "The Implications of Science and Technology Education and Development on Islamic Values" in R.E. Vente et al (eds.) *Cultural Heritage versus Technology Development*, 1981, Singapura: Maruzen Asia; *Pendidikan: Koleksi Da'wah* (Penulis bersama), 1981, Kuala Lumpur: Yayasan Da'wah Islāmiyyah; *Muslim Intellectual Responses to 'New Order' Modernization in Indonesia*, 1982, Kuala Lumpur: DBP; *The Muslim Concept of 'Ubūdiyyah*, 1982, Kuala Lumpur: Al-Rahmāniyyah; *The Sufi Concept of 'Ubūdiyya*, 1982, Kuala Lumpur: Al-Rahmāniyyah; *Moral and Ethical Issues in Human Resource Development*, 1985, Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar; "Some Dimensions of Islamic Education in Southeast Asia" in Taufik Abdullah and Sharon Siddique (ed.), *Islām and Society in Southeast Asia*, 1986, Singapore: I.S.E.A.S; "The Responses of Muslim Youth Organizations to Political Change: HMI in Indonesia and ABIM in Malaysia" in William Roff (ed.), *Islām and the Political Economy of Meaning*, 1987, Barkeley: University of California Press; *Pendidikan dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu*, 1988, Kuala Lumpur: Nurin

Enterprise; Towards Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysian Society: Some Critical Observations, 1996, Petaling Jaya: ABIM; dan *Towards A Common Civilization*, 1998, Kuala Lumpur: IKIM.

4.3.6 Ustadh (Dr.) Muhammad 'Uthman El-Muhammady (1943 -)

Beliau dilahirkan pada 1 Februari 1943 di Kampung Telok Panji, Kota Bahru, Kelantan Dār al-Na'im. Memulakan pendidikannya di sekolah Melayu dan meneruskan pendidikan di Kolej Sultān Ismā'il hingga ke tingkatan 5. Kemudian beliau meneruskan pendidikan di Kolej Sultān 'Abdul Hamīd, Alor Setar, Kedah Dār al-Āmān sehingga mendapat HSC. Pada tahun 1963, beliau memasuki UM, Kuala Lumpur dan mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Islām pada tahun 1966. Kemudian beliau menjadi tutor di UM dan mendapat Ijazah Sarjana pada tahun 1969 di universiti yang sama.

Beliau menjadi pensyarah di Jabatan Pengajian Islām UM sehingga tahun 1973. Kemudian beliau mengambil keputusan untuk bersara dan menjadi seorang penda'wah bebas hingga sekarang. Pada tahun 1995, beliau dianugerahkan Ijazah Doktor Persuratan Kehormat oleh USM kerana usaha-usaha intelek beliau dalam da'wah Islām. Pada tahun 1960an, beliau memimpin majalah *al-Nūr*, yang merupakan sebuah terbitan Pertubuhan al-Rahmāniyyah dan menulis makalah-makalah di dalamnya. Beliau menjadi Presiden pertubuhan tersebut hingga ke tahun 1968. Beliau dilantik menjadi Fellow Kehormat IKIM, Kuala Lumpur dari tahun 1995 hingga sekarang. Beliau pernah menjadi salah seorang ahli jamā'ah Pemegang Amanah Yayasan Karyawan Kuala Lumpur. Beliau juga pernah dilantik sebagai Pakar Perunding Agama bagi YPK Terengganu Dār al-Imān.

Beliau banyak menumpukan masanya bersama masyarakat setempat dengan mengadakan pengajian kitāb di masjid-masjid sekitar Pasir Mas dan Kota Bahru, Kelantan Dār al-Na‘īm selain dari menunaikan jemputan ceramah di merata tempat (http://members.tripodasia.com.my/Traditional_Islam/BiodataRingkas_UstazUthman.htm).

Antara karya beliau ialah *The Islamic Concept of Education According to Shaykh ‘Abd al-Samad of Palembang and Its Significance*, 1972, UKM Journal; *Peradaban dalam Islām*, 1976, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd; *Memahami Islām, ‘Ilmu dan Kebudayaan*, 1977, Kota Bharu: Pustaka Aman Press; *Pendidikan Koleksi Da‘wah*, (Penulis bersama), 1981, Kuala Lumpur: Yayasan Da‘wah Islāmiyyah; *Memahami Islām, Insan, ‘Ilmu dan Kebudayaan*, 1982, Kota Bharu: Pustaka Aman Press; *Akhlāq dalam Islām*, 1984, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar; *Islām: Peribadi, Tarbiah dan Institusi*, 1987, Majlis Agama Islām Kelantan; *Islām Peribadi Tarbiah dan Institusi*, 1988, Kota Bharu: Majlis Ugama Islām dan ‘Ādaṭ Istiadat Melayu Kelantan; *Fahtul Mū’īn: Terjemahan dan Huraian Maksud*, 1989, Kelantan: Majlis Agama Islām Negeri Kelantan, Kota Bharu; *Islām dan Kebudayaan*, risalah terbitan DBP berdasarkan kepada wacana tentang kebudayaan yang disampaikan pada tahun 1989 di Kuala Lumpur; *Al-Qur’ān al-Karīm: Terjemahan dan Huraian Maksud*, (1992-94, berasaskan terjemahan dan huraian tafsir Inggeris oleh ‘Abdullah Yūsuf ‘Alī), 5 jil., Kuala Lumpur: DBP; dan *Pengkalan Rantau Asia Pasifik Sebagai Kawasan yang Mengamalkan Pegangan Ahli al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*, 1995, Kuala Lumpur: Bahagian Hāl-Ehwāl Islām, Jabatan Perdana Menteri.